

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 22

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional untuk memberi kebenaran kepada dua lagi lesen kepada syarikat penerbangan (MYAirlines Sdn Bhd dan SKS Airways Sdn Bhd) untuk beroperasi di Malaysia memandangkan kini sektor pelancongan dan banyak syarikat penerbangan sedang berhadapan dengan masalah kekurangan penumpang. Bagaimanakah persaingannya nanti akan memberi impak positif dalam menstabilkan harga tiket ke tahap lebih mampu milik untuk pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Sektor penerbangan telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan awal pada bulan September 2021. Trafik penumpang udara pada tahun 2022 diramalkan meningkat antara 170 peratus dan 346 peratus tahun ke tahun iaitu bersamaan dengan 32.6 juta hingga 49.0 juta penumpang. Ramalan ini menunjukkan pemulihan sebanyak 30 hingga 45 peratus daripada tahap trafik penumpang udara prapandemik pada tahun 2019.
2. Pemulihan trafik penumpang udara pada tahun 2022 dijangka akan dipandu oleh pemulihan trafik domestik dan ASEAN, pembukaan semula sempadan negara dan pelaksanaan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL). MAVCOM menjangkakan pemulihan untuk sektor penerbangan antrabangsa apabila lebih banyak pembukaan semula sempadan ke luar negara dan VTL dilaksanakan pada tahun 2022. Selain itu, syarikat penerbangan dijangka meningkatkan kapasiti tempat duduk secara beransur-ansur. Ini kerana permintaan perjalanan yang terpendam sekian lama dan simpanan terkumpul (*accrued savings*) akan memacu pertumbuhan trafik penumpang pada tahun 2022.
3. Pada masa yang sama, pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap kedudukan kewangan syarikat-syarikat penerbangan sedia ada yang menyebabkan pemulangan banyak pesawat yang disewakan kepada penyewa. Ini akan menurunkan ketersambungan Malaysia dengan dunia luar. Dalam hubungan ini, MAVCOM berpandangan syarikat-syarikat penerbangan seperti MYAirline dan SKS Airways dapat menyediakan laluan-laluan yang tidak disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan sedia ada di samping menyokong perkhidmatan bagi laluan sedia ada.

NO. SOALAN : 22

4. Pandemi ini juga telah memberi peluang kepada syarikat penerbangan baru mempunyai kos operasi yang rendah. Penerbangan MYAirline dan SKS Airways juga akan mendapat faedah daripada pemulihan permintaan pasaran dan kawalan struktur kos yang rendah. Pertambahan persaingan juga akan memberi faedah kepada pengguna dalam jangka panjang, serta penambahan pilihan penerbangan dan harga tambang yang berdaya saing.

5. Produk dan perkhidmatan penerbangan kos rendah kebarangkalian akan diutamakan oleh kerana perbelanjaan pengguna dijangka lebih rendah pasca pandemik. Tawaran perkhidmatan syarikat penerbangan tambang rendah juga akan menjadi lebih menarik kepada golongan pengguna yang *price sensitive* atau yang mementingkan perkhidmatan yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.